

Harga bawang kecil India naik tiga kali ganda

KANGAR - Harga bawang kecil India naik tiga kali ganda daripada harga asal iaitu RM4 sekilogram menjadikannya kini RM14 sekilogram.

Berdasarkan tinjauan di Pasar Besar Sena, keadaan itu berlaku ekoran bekalan bawang kecil susut sejak dua bulan lalu.


Peniaga, Karuna Karan berkata, bagi menggantikan bawang kecil India, peniaga menjual bawang kecil Karachi dari Pakistan yang berharga RM9 sekilogram berbanding hanya RM3 pada asalnya.

Menurutnya, ini kali pertama harga bawang naik mendadak dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

"Sekarang ni pembekal pun tak hantar bawang India kepada kami, semua hantar bawang Karachi Pakistan sahaja.

"Bekalan bawang India cukup susah sekarang, mereka hantar bawang China lembik dan berair jadi kalau kita ambil pun akan rugi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Bagi pengguna, Syam-



Khairul Amin (kanan) melihat bawang yang dijual dengan harga yang berganda mahal ekoran ketiadaan bekalan semalam.

mah Tam, 67, mahu atau tidak dia tetap perlu berbelanja untuk membeli bawang ini kerana perlu digunakan setiap kali memasak.

"Pengguna tiada pilihan lain kerana bawang tetap perlu dibeli untuk digunakan dalam masakan.

"Bila harga mahal, memang kami sebagai pengguna terbeban," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Khairul Amin Talib berkata, dari-

pada 58 premis yang dipantau, 95 peratus premis mula menaikkan harga bawang sejak September lalu.

Katanya, namun rekod terkini, hanya tiga premis sahaja di seluruh Perlis yang menjual bawang kecil India selepas bekalannya susut mendadak sejak Oktober.

"Setakat ini tiada aduan diterima berhubung kenaikan harga bawang dan bekalan bawang kecil India dijangka pulih selepas perayaan Tahun Baharu Cina tahun hadapan," katanya.